



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI PAHANG**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957, manakala pengauditan pengurusan syarikat dijalankan selaras dengan Perenggan 5 (1) (d), Akta Audit 1957. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Pahang pada 2 Ogos 2022(Selasa).

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengauditan Prestasi di Agensi Negeri

- i. Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Pahang iaitu Pengurusan Hartanah Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK). Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan, pengurusan hartanah PSK tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ini kerana berlaku kelemahan dalam penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pemantauan terhadap pematuhan syarat kelulusan pembangunan hartanah.
- ii. Selain itu, kelemahan juga berlaku dalam aspek pemantauan pengurusan tunggakan cukai dan bayaran pajakan tanah serta sumbangan *in kind*. Kelemahan ini menjejaskan pencapaian objektif PSK yang ditetapkan sebagai pemegang amanah kepada Kerajaan negeri bagi memiliki tanah kerajaan.

3.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

- i. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.

- ii. Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, satu pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di negeri Pahang iaitu LKPP Corporation Sdn. Bhd. (LCSB). Secara keseluruhannya, objektif penubuhan LCSB berkaitan pengurusan aktiviti perladangan dan aktiviti perkilangan kelapa sawit telah dicapai. Aspek tadbir urus korporat adalah baik namun memerlukan penambahbaikan terhadap aspek Pelan Strategik dan KPI serta Audit Dalam.
 - iii. Pengurusan aktiviti perladangan dan aktiviti perkilangan adalah kurang cekap kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan aktiviti ialah aktiviti membaja, merumpai dan menuai di ladang tidak mengikut program yang dirancang; serta kualiti minyak sawit mentah (MSM) dan isirung (IR) yang dihasilkan tidak mencapai standard yang ditetapkan.
 - iv. Kedudukan kewangan LCSB adalah kukuh. Syarikat mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, di samping keuntungan terkumpul yang juga mencatatkan trend meningkat bagi tempoh yang sama.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkecuali telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan dan pengurusan syarikat berkecuali, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan enam syor terhadap pengurusan aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

5. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Pahang pada 02 Ogos 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 2 Ogos 2022 selepas jam 10.05 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

2 Ogos 2022

4 Muharam 1444 H